

# **BAB 1**

## **Pendahuluan**

### **1.1 Pengenalan**

Kajian mengenai politik sesuatu kelompok masyarakat menjadi penting supaya sistem-sistem yang bergantung kepada tingkahlaku manusia sama ada akan dapat diteruskan ataupun diubahsuai. Teras kepada bidang sosiologi adalah bidang-bidang yang berkaitan dengan tingkahlaku manusia yang berlaku dalam konteks sosial (Rush, 1993:3). Tingkahlaku politik sebagai satu cabang kepada tingkahlaku yang lebih luas merupakan bidang yang penting untuk dikaji bagi memahami sesuatu kelompok masyarakat terutama bagi melihat bagaimana masyarakat tersebut bertindak balas terhadap unsur atau input politik. Selepas mendapatkan gambarannya, fakta-fakta mengenai pengoperasian sistem politik itu sendiri dapat dikemukakan.

Pengkajian mengenai tingkahlaku politik turut menyumbang kepada kefahaman mengenai institusi-institusi politik seperti parti politik misalnya. Antara lain ia boleh menjelaskan bagaimana sesebuah parti politik itu lahir dan mendapat sokongan ataupun sebaliknya mengalami kepupusan dalam masyarakat berkenaan. Politik merupakan bidang yang perlu dikaji bagi memahami kelompok-kelompok masyarakat dari segi komponen kekuasaan, kewibawaan dan institusi yang membolehkan sesuatu kelompok terus berfungsi.

Sosiologi politik pula ingin meneliti hubungan-hubungan antara politik dengan masyarakat iaitu melihat tingkahlaku politik dalam konteks sosialnya. Ini

dilakukan dengan menganalisis hubungan antara struktur-struktur sosial dan struktur-struktur politik dan juga tingkahlaku sosial dengan tingkahlaku politik (Rush, 1993: 8). Dalam konteks ini penelitian dilakukan bagi melihat apakah struktur-struktur politik yang mempengaruhi tingkahlaku politik. Dengan memastikan struktur-struktur tersebut, gambaran lebih jelas tentang fenomena-fenomena politik yang terjadi dalam masyarakat akan lebih mudah difahami.

Dalam hubungan ini adalah wajar dilihat hubungan antara aspek politik dan sosial masyarakat Melayu, iaitu untuk melihat apakah elemen-elemen dalam struktur sosial atau struktur politik yang mempengaruhi tingkahlaku politik yang di manifestasikan. Dengan itu sebarang permasalahan yang timbul berkaitan dengan tingkahlaku politik, misalnya, tingkahlaku politik yang menunjukkan tanda-tanda 'perubahan' setelah melalui satu jangka masa panjang yang agak statik dapat diuraikan dan dijelaskan. Politik telah ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkait dengan cara bagaimana kelebihan atau keuntungan dan kekurangan atau kerugian diagihkan sepertimana telah dirakam oleh Froman (1968:33-34),

*Politics, in its broadest sense, is concerned with the distribution of advantages and disadvantages among people. Since people are constantly interacting with each other, ... the preferences of some individuals will inevitably come into opposition with the preferences of others. This opposition of preferences may result in competition or conflict and in attempts by those concerned to reach some sort of accomodation...*

Begitu juga huraian Deutsch yang menjelaskan lagi apa yang boleh dikatakan sebagai "*distribution of advantages and disadvantages*" di atas. Menurut beliau (Deutsch, 1980:3,7),

*Politics,...is the making of decisions by public means, that is by elections, referenda, laws, court judgements, administrative regulations and decisions, and the like. Because politics is the making of decisions by public means, it is primarily concerned with government.*

*The word 'politics' stresses the process of decision making about public actions or goods - about what is done and who gets what ...*

Jika diteliti penulisan dan kajian mengenai politik dalam bidang sains sosial secara umumnya, maka tidak dapat dinafikan bahawa manusia sememangnya mempunyai minat, kecenderungan dan dalam beberapa keadaan keghairahan untuk terlibat dalam politik, tidak kira dalam apa kapasiti sekalipun. Apatah lagi dengan hasrat manusia untuk memenuhi keperluan-keperluan yang selari dengan nilai-nilai yang dipegangnya sepertimana telah ditegaskan oleh Deutsch (1980:12-13) Politik merupakan suatu bidang yang penting untuk dikaji lebih-lebih lagi ketika terjadi sesuatu yang mengancam kepentingan masyarakat dan menggugat kestabilan sistem sosial dan politik yang wujud.

Dalam konteks yang sama juga pemerhatian terhadap masyarakat Melayu turut merakamkan betapa orang Melayu sejak turun temurun telah menjadi 'manusia politik'. Ini dapat diperhatikan daripada berbagai-bagai tulisan dan kajian yang telah dilakukan, baik yang menyentuh politik Melayu di zaman wujudnya sistem kerajaan tradisional (Milner:1991, Gullick:1965) ataupun di zaman moden (Ramlah Adam:1998, Funston:1980). Orang Melayu telah melalui proses ke arah pembentukan masa depan yang dikira lebih baik dan gemilang sepertimana ternyata di penghujung zaman penjajahan dengan kejayaan menggagalkan rancangan Malayan

Union tajaan Inggeris pada 1946 dan usaha sosio-ekonomi yang bertitik-tolak secara cergas sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada awal 1970-an.

Secara amnya orang Melayu berkecimpung dalam proses atau sistem politik sama ada secara langsung dan aktif mahu pun secara tidak langsung atau pasif. Keaktifan boleh dilihat pada penyertaan secara langsung dalam parti politik sebagai ahli yang menyumbang tenaga terhadap parti tersebut atau menyertai aktiviti politik anjuran parti berkenaan. Selain itu ia melibatkan juga aktiviti politik lain yang tidak disalurkan melalui parti politik tetapi menerusi badan-badan sosial yang menyuarakan isu-isu politik.

Penglibatan secara tidak langsung yang merupakan penyertaan secara pasif pula boleh dilihat menerusi proses pembuangan undi dalam sesuatu pilihan raya. Menerusi cara ini mereka menerima atau menolak sesuatu parti untuk mewakili hasrat politik mereka. Hasrat politik ini menghimpunkan apa yang dianggap perlu, sesuai dan serasi dengan nilai-nilai mereka sendiri. Apa yang dihasratkan itu mungkin juga dijelmakan oleh parti politik yang telah menjadi pilihan dalam bentuk dasar-dasar perjuangan parti berkenaan.

Dalam konteks ini, politik orang Melayu dapat dikaji daripada beberapa segi. Ia bukan sahaja sesuai dikaji dari sudut sejarahnya bertujuan mengenal pasti tahap perkembangan politik yang telah dilalui, malah daripada aspek-aspek lain juga. Ini termasuk aspek budaya yang melihat sikap, nilai, kepercayaan dan persepsi.<sup>1</sup> Selain itu ia boleh juga meneliti aspek aktivisme politik, kepimpinan,

---

<sup>1</sup> Antara kajian mengenai aspek budaya ini ialah kajian oleh Chandra Muzaffar (1979) dan Shohana Hussin (1999)

pengorganisasian, institusi, sistem dan sebagainya. Ringkasnya, pengkajian aspek budaya itu sendiri merupakan satu sumbangan penting bagi memahami bukan sahaja perkembangan politik masyarakat tetapi juga bagaimana masyarakat akan bertindak apabila berhadapan dengan situasi-situasi yang mencabar. Aspek ini merupakan fokus kepada kajian di bawah bidang budaya politik.

Kajian ini adalah mengenai satu aspek politik orang Melayu iaitu aspek nilainya dan ini merupakan sebahagian daripada aspek penting dalam kajian mengenai budaya politik. Sebagai satu kajian budaya politik ia akan meneliti jalinan nilai yang dipegang oleh orang Melayu dan kesannya ke atas tingkahlaku politik. Perkara ini diperihalkan lagi di bawah objektif kajian di bawah.

Bagi memenuhi objektif kajian ini, maka turut diberi perhatian ialah politik orang Melayu pada era moden iaitu selepas Malaysia mencapai kemerdekaan daripada penjajah Inggeris pada tahun 1957 sehinggalah sekarang. Pilihan raya yang diadakan secara berjadual setiap empat atau lima tahun sekali memberikan peluang untuk melihat perbezaan-perbezaan dalam trend pengundian. Trend tersebut ialah manifestasi daripada pilihan politik rakyat. Dalam kajian ini trend seperti ini turut diberi perhatian - walaupun bukan kesemua pilihan raya yang telah berlalu menjadi fokus - bagi mengesahkan beberapa andaian yang menyentuh persoalan nilai

Sejak pilihan raya diadakan di Malaysia mulai 1959 sehingga sekarang, pilihan raya terakhir iaitu pilihan raya kesepuluh pada 1999 mempamerkan keputusan yang paling menarik dalam konteks politik Malaysia, oleh itu ia wajar dikaji. Keputusan pilihan raya tersebut telah mengundang pelbagai reaksi, tidak kurang pendapat bahawa politik orang Melayu khususnya telah berubah atau telah

lahir 'politik baru' di Malaysia (Francis Loh Kok Wah dan Saravanamuttu 2002, Shamsul Amri Baharuddin 2001, Rustam Sani 2000, Khoo Boo Teik 2000). Apa pun pandangan yang diberi kenyataannya ialah apa yang dilihat sebagai 'perubahan' atau 'politik baru' perlu diteliti bagi mengumpulkan faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan seperti itu terjadi. Salah satu penjelasan kepada 'perubahan' tadi perlu dicari di dalam budaya masyarakat itu sendiri.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah secara umumnya majoriti orang Melayu didapati menyokong UMNO sejak kemerdekaan lagi dan ini telah dimanifestasikan dalam setiap kali pilihan raya diadakan. Namun pilihan raya 1999 menampakkan sudah mula wujudnya 'perubahan' sokongan politik daripada UMNO kepada parti Melayu yang lain. Kenyataan ini boleh diperhatikan lagi di bawah dalam bab-bab yang berikut.

Sehingga ini kajian khusus mengenai nilai politik orang Melayu boleh dikatakan belum lagi dilakukan; walaupun persoalan ini pernah disentuh secara umum dalam banyak penulisan dan kajian sepertimana terkandung dalam bahagian sorotan kajian lepas di bab 3<sup>2</sup>. Sebaliknya terdapat kajian-kajian yang menjelaskan pelbagai aspek lain mengenai politik mereka antaranya yang menyentuh persepsi politik, penglibatan politik, parti-parti politik, sikap politik, sistem, struktur dan kepimpinan.

Jika diteliti pula kepustakaan mengenai nilai atau budaya politik masyarakat lain memang terdapat banyak kajian yang telah dilakukan antaranya oleh Gyi (1983) ke atas masyarakat Burma, Ichida (1983) di kalangan masyarakat Jepun.

---

<sup>2</sup> Lihat halaman 122 di bawah.

Paden (1973) di Nigeria, Jessop (1974) ke atas masyarakat Inggeris dan Wells (1969) di Puerto Rico. Ini tidak pula termasuk kajian-kajian oleh beberapa pengkaji di bawah pengendalian Almond dan Verba yang terdapat dalam buku, *The Civic Culture* (1965). Begitu juga mengenai budaya politik Eropah yang disusun oleh Patwell (1997). Namun belum terdapat banyak kajian mengenai nilai politik orang Melayu secara sistematis sehingga ini.

Oleh itu kajian yang melihat khusus kepada nilai-nilai politik sebagai unsur penting dalam budaya politik difikirkan perlu bagi menambahkan lagi fakta mengenai politik yang telah sedia ada dalam kajian dan tulisan lain. Ia juga bagi mengemukakan penemuan baru seterusnya membolehkan pembentukan andaian teoretikal agar khazanah ilmu mengenai politik orang Melayu menjadi semakin berkembang lebih-lebih lagi dewasa ini yang memperlihatkan perkembangan-perkembangan agak cepat dalam bidang ini. Selain itu kajian ke atas sesuatu aspek dalam politik orang Melayu turut memberikan sumbangan untuk memahami politik orang Melayu kerana politik orang Melayu mempunyai kesan amat besar ke atas politik nasional Malaysia. Hal ini demikian, kerana orang Melayu sebagai kumpulan etnik terbesar dalam negara tentunya mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan hala tuju politik negara.

## **1.2 Kenyataan Masalah**

Dalam membuat pemilihan, orang Melayu nampaknya telah sekian lamanya memberikan sokongan politik - yang dizahirkan dalam setiap kali pilihan raya - kepada kelompok atau kumpulan politik yang sama, iaitu UMNO. Pilihan

politik tersebut boleh diperhatikan secara khusus pada pilihan raya-pilihan raya yang diadakan.

Walaupun Malaysia mengamalkan sistem demokrasi di mana setiap pengundi mempunyai hak untuk memilih secara bebas parti yang difikirkannya wajar, di samping berpeluang untuk bereksperimen dengan membuat pilihan lain daripada pelbagai parti politik yang bertanding dalam pilihan raya, namun pilihan yang berbeza daripada yang biasa itu tidak dizahirkan sehingga terjadi perubahan kerajaan. Secara khusus kenapakah orang Melayu terus-menerus memberikan sokongan kepada parti politik yang sama - UMNO (dan Barisan Nasional sebagai parti gabungan yang memerintah)- walaupun mereka mempunyai pilihan lain dalam sistem politik Malaysia sejak pilihan raya diperkenalkan selepas kemerdekaan pada tahun 1957?

Namun pada pilihan raya umum 1999, UMNO kehilangan sokongan tersebut malah UMNO seolah-olah tergugat sedangkan selama ini parti tersebut mendapat sokongan majoriti orang Melayu.<sup>3</sup>

Apakah keputusan pilihan raya umum 1999 boleh diterima sebagai titik permulaan peralihan sokongan orang Melayu terhadap pemerintah sedia ada yang diterajui Barisan Nasional (BN) di mana UMNO merupakan terasnya? Adakah kemerosotan undi yang dialami oleh UMNO menandakan permulaan satu gelombang perubahan? Atau ia hanya fenomena sementara dan tidak menjejaskan sokongan yang diberikan secara tradisi?

---

<sup>3</sup> Untuk prestasi UMNO dalam pilihanraya lihat bab 3. Untuk tulisan mengenai 'perubahan' politik lihat Loh Kok Wah dan J Sarvanamuttu (2003)



Andaian yang dibentangkan adalah berdasarkan fenomena politik Melayu dan dilihat pada pilihan politik yang dibuat atau lebih khusus parti politik yang disertai, diberi sokongan atau dipilih semasa pilihan raya. Beberapa perkembangan dalam masyarakat dan politik Malaysia sejak pilihanraya umum 1995<sup>4</sup> dan seterusnya selepas peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO secara mengejut daripada kerajaan dan parti pada awal September 1998 menjadi petanda-petanda berlakunya 'perubahan' dalam senario politik Malaysia, khususnya politik orang Melayu. Oleh itu kajian ini akan melihat nilai politik sebagai unsur dalaman - dalam budaya Melayu - yang mempengaruhi pilihan politik yang dijemakan dalam pengundian.

Adakah nilai politik Melayu mengalami perubahan berdasarkan perkembangan-perkembangan politik yang disebutkan di atas? Nilai sebagai institusi (R.Mukherjee,1946:121) dikatakan tidak mudah berubah dalam jangka masa yang cepat. Oleh itu sebarang perubahan politik juga boleh diandaikan sebagai tidak mungkin berlaku dalam tempoh yang singkat. Walaupun senario politik boleh menunjukkan 'perubahan-perubahan' namun ini tidak semestinya bermakna nilai politik telah turut berubah.

Kemungkinan 'perubahan' yang diperhatikan daripada masa ke masa merupakan manifestasi pegangan nilai yang sama. Dari satu segi ia boleh bererti bahawa orang Melayu boleh memberi sokongan kepada parti baru tanpa menjejaskan nilai yang dipegang kerana parti yang disokong sebelumnya dianggap telah tidak lagi memenuhi kehendak nilai yang dipegang.

---

<sup>4</sup> Perkembangan paling kritikal waktu itu ialah krisis kewangan Asia Timur yang turut melanda Malaysia pada 1997 ia menimbulkan kegawatan ekonomi yang turut menyumbang kepada krisis politik yang memuncak pada 1998

Dengan melihat kepada nilai-nilai yang berperanan ini andaian andaian teoretikal boleh dirumuskan namun akhirnya satu kerangka teori perlu dibentangkan bagi menjelaskan fenomena nilai dalam tindakan politik yang dizahirkan - sama ada nilai itu stabil kecuali manifestasinya yang berubah ataupun nilai sendiri berubah dengan manifestasinya sekali.

Andaian yang mungkin dapat diutarakan di sini dan perlu dipastikan dalam tinjauan nanti ialah nilai-nilai politik yang dikenal pasti tetap menjadi asas bagi tindakan yang dilakukan walaupun huraian lain perlu diberikan untuk menjelaskan 'ketidak serasian' antara nilai dan tindakan politik. Maksudnya, keputusan pilihan raya telah menunjukkan satu peralihan sokongan yang jelas daripada UMNO kepada parti-parti Melayu yang lain tetapi nilai yang dipastikan seolah-olah bertentangan dengan tindakan ini, sebaliknya dilihat sebagai lebih serasi dengan pengkalian sokongan terhadap UMNO.

Andaian ini juga menuntut untuk melihat komponen, segmen atau kumpulan manakah dalam masyarakat Melayu itu yang lebih ketara penolakannya terhadap UMNO. Gambaran umum memberikan satu andaian bahawa manifestasi penolakan ini terdapat pada golongan muda yang berpelajaran tinggi dan berkerjaya profesional.<sup>5</sup> Hasil daripada 'perubahan' tersebut beberapa implikasi ke atas UMNO juga boleh diandaikan. UMNO secara khusus dan BN secara umumnya akan terus berkuasa bagi masa terdekat walaupun kemerosotan sokongan generasi muda terhadap UMNO mungkin terus berlaku. Seandainya kumpulan etnik lain di Malaysia memberikan sokongan kepada BN, parti itu dapat terus mengekalkan kuasa.

---

<sup>5</sup> Tulisan-tulisan sebelum ini turut menjelaskan fenomena peralihan ini lebih banyak dikesan di kalangan golongan tersebut. Lihat Loh Kok Wah dan J. Saravanamuttu (2003)

Sekiranya generasi muda Melayu berpegang kepada set nilai yang baru yang menuntut perubahan maka potensi untuk perubahan tersebut dalam sistem politik dan juga parti kerajaan akan bertambah pada tahun-tahun akan datang. Dalam keadaan seperti ini alternatif kepada BN akan mendapat peluang yang agak cerah untuk berkuasa. Namun berdasarkan kepada keadaan sekarang, nilai-nilai yang mendorong kepada kestabilan (iaitu pengekalan *status quo*) adalah lebih ketara, walaupun generasi muda, golongan profesional dan intelektual mungkin kurang berpegang kepada nilai-nilai yang mendorong kestabilan tersebut.

Bagi memastikan apakah andaian-andaian di atas benar, kawasan yang dipilih sebagai kawasan kajian juga amat penting diberi perhatian agar ciri-ciri yang berbeza dalam pola pengundian dapat diperhatikan. Untuk ini kawasan kajian yang dipilih ialah sebuah bandar raya Melayu - Shah Alam. Bandar raya ini memaparkan ciri-ciri yang jelas dan boleh diteliti bagi mengukuhkan andaian-andaian tersebut. Malah Shah Alam, seperti mana diterangkan di bawah<sup>6</sup>, merupakan kawasan Parlimen yang cukup jelas manifestasi 'perubahan' yang menjadi fokus di sini.

Kerangka teori bagi menjelaskan tingkahlaku yang menjadi manifestasi nilai ini adalah teori yang pernah dikemukakan oleh James Scott iaitu 'senjata golongan lemah' (*weapons of the weak*)<sup>7</sup>. Ia menjelaskan bagaimana nilai-nilai masyarakat dipertahankan apabila diancam iaitu menerusi tindakan-tindakan yang boleh menyebabkan pihak yang mengancamnya menghadapi banyak kesukaran dan perlu mengatur pelbagai langkah tindak balas bagi mematahkannya.

---

<sup>6</sup> Lihat Bab 3, halaman 176-178

<sup>7</sup> Teori ini dijelaskan dalam Bab 2, hal 84-96

Dalam kajian ini parti-parti politik dilihat sebagai mewakili 'pilihan politik'. Ini adalah sesuai dengan fenomena peralihan sokongan yang dilahirkan dalam pilihan raya 1999. Dalam kajian dan tulisan sebelum ini adalah jelas bahawa orang Melayu melihat parti yang mereka sokong sebagai mewakili hasrat, kehendak dan matlamat politik mereka. Hal ini dijelaskan lebih terperinci dalam analisis kajian di dalam Bab 6. 'Parti' melambangkan nilai yang tersirat kerana apa sahaja yang mereka rasakan sebagai betul dan patut atau yang perlu dinyatakan dikira sudah terdapat pada parti yang mereka sokong. Jika parti tersebut menyeleweng daripada kehendak orang Melayu, barangkali ia akan ditinggalkan, dan sokongan boleh beralih kepada parti lain yang dilihat lebih mampu memainkan peranan untuk memenuhi hasrat, kehendak dan tujuan politik mereka.

### 1.3 Objektif Kajian

Salah satu elemen penting dalam budaya yang mempengaruhi tingkahlaku ialah nilai. Nilai yang dipegang oleh seseorang, kelompok atau masyarakat bukan sahaja memandu tingkahlakunya tetapi juga keseluruhan hidupnya termasuk persepsi terhadap aspek-aspek kehidupan sosial, ekonomi dan juga politik (Rokeach, 1973).

Walaupun elemen-elemen lain seperti sikap, kepercayaan dan keperluan turut memainkan peranan dalam menentukan pilihan politik namun nilai didapati mempunyai peranan yang agak istimewa kerana ia merupakan anasir yang tidak berubah secepat anasir-anasir lain yang mempengaruhi pilihan seperti sikap umpamanya.

Dalam melihat aspek nilai ini walaupun terdapat satu sistem nilai secara menyeluruh pada sesuatu kelompok masyarakat, namun sistem utama itu boleh dipecahkan lagi untuk melihat sistem-sistem kecil yang berada di bawahnya. Maksudnya sesuatu nilai yang terdapat pada sistem nilai yang dasar boleh diletakkan pula di bawah bidang sosial, politik atau ekonomi. Ia boleh dinamakan sebagai nilai sosial kerana berperanan dalam mempengaruhi tingkahlaku sosial, dan begitu juga dinamakan sebagai nilai politik kerana berperanan dalam mempengaruhi tingkahlaku politik.

Namun pengasingan ini tidak bermakna keseluruhan nilai tersebut tidak boleh diletakkan dalam satu sistem nilai sahaja yang mempengaruhi seluruh tingkahlaku - tidak kira tingkahlaku politik, ekonomi atau sosial. Cuma bagi memenuhi objektif kajian ini beberapa nilai yang terkandung dalam sistem nilai dasar itu diletakkan di bawah kategori nilai politik, agar tingkahlaku politik boleh dijelaskan sebagai natijah daripada nilai-nilai tersebut.

Terdapat beberapa persoalan di sini mengenai nilai yang akan diteliti. Adakah nilai berubah mengikut keadaan dan perubahan masyarakat, atau sebaliknya nilai yang berperanan untuk mewujudkan keadaan dan suasana tersebut? Dalam konteks ini ia perlu menjawab persoalan sama ada ia (nilai) membawa kepada perubahan atau pun tindakan mahu pun isu membawa kepada perubahan nilai. Pendek kata nilai berada pada kedudukan yang kritikal dalam seluruh elemen dalaman manusia yang berhubungkait secara langsung dengan elemen-elemen luaran manusia iaitu tingkahlaku dan tindakan.

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti nilai-nilai politik orang Melayu. Nilai-nilai tersebut menggerakkan orang Melayu untuk membuat pilihan-pilihan politik yang digambarkan menerusi tingkahlaku politik mereka. Tingkahlaku politik boleh dilihat secara pasif ketika mereka keluar mengundi misalnya atau secara aktif apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti kepartian serta aktivisme sivil sebagai satu ciri kepada masyarakat sivil misalnya.

Selepas memaparkan nilai, kajian ini akan menjelaskan kedudukan sebenar mengenai 'perubahan' yang disebut di atas dengan merujuk kepada nilai-nilai politik yang dipegang oleh orang Melayu bandar. Analisis akan cuba menjelaskan apa yang telah berlaku di sebalik peralihan sokongan daripada UMNO kepada parti-parti Melayu lain dengan memaparkan jaringan nilai sebagai jawapannya. Di samping itu bagaimana nilai-nilai tersebut telah dimanifestasikan akan dijelaskan juga menerusi teori 'senjata golongan lemah'. Ini bermakna analisis akhir akan memberi gambaran mengenai budaya politik itu sendiri di mana pilihan raya umum 1999 telah dijadikan asas untuk menggambarkan budaya tersebut.

Sehubungan dengan ini ialah persoalan teori di mana fenomena penentangan dijelaskan sebagai suatu manifestasi budaya politik. Namun persoalan mengenai 'kestabilan' nilai-nilai politik dan perubahannya adalah persoalan yang diberi perhatian dalam penjelasan mengenai apa yang telah terjadi pada pilihan raya 1999 itu.

Mengenai kestabilan nilai, apa yang memperlihatkannya ialah pengekalan nilai-nilai politik yang sama yang memungkinkan parti yang sama terus berkuasa. Namun akhirnya penentangan terjadi juga terhadap parti tersebut dengan

cara yang tersendiri sehingga dapat diperhatikan pada keputusan pilihan raya - di sini keputusan pilihan raya 1999 - selain tindakan-tindakan susulan selepas pilihan raya itu. Dengan itu 'kestabilan', yang dizahirkan sebagai sokongan, turut tergugat serta memberi kesan kepada parti yang sebelum ini kukuh kedudukannya.

Dengan mendapatkan kepastian mengenai nilai politik gambaran yang lebih jelas mengenai budaya politik Melayu akan diperolehi. Ia akan menunjukkan bagaimana budaya politik itu telah dizahirkan selepas pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO.

Turut menjadi perhatian ialah sasaran kajian - iaitu orang Melayu bandar, di mana dalam kajian ini diwakili oleh mereka yang tinggal di sebuah bandar raya (semasa pilihan raya 1999 masih bandar). Bandar raya tersebut - Shah Alam - boleh dikatakan antara kawasan kajian yang paling ideal dijadikan sebagai kajian kes bagi mengesahkan andaian kajian dan bagi memenuhi objektif kajian.

Hal ini demikian kerana peralihan sokongan daripada BN kepada BA (PKN) adalah begitu jelas sekali jika dibandingkan dengan pilihan raya sebelumnya pada 1995. Kelebihan Shah Alam sebagai kawasan untuk melakukan kajian ialah kerana wujudnya kelas menengah Melayu yang agak ketara dan boleh menjadi salah satu angkubah penting dalam mengkaji fenomena budaya politik tersebut.

Walaupun bukan menjadi objektif kajian, namun secara tidak langsung kajian ini akan juga menyentuh secara imbas persoalan legitimasi dan keberkesanan parti-parti politik yang cuba mendapatkan sokongan orang Melayu. Ini dapat dilihat juga sebagai manifestasi nilai yang dipegang.

Ringkasnya kajian ini boleh memberikan penjelasan mengenai budaya politik orang Melayu bandar di samping memaparkan perbezaan-perbezaan yang terdapat menurut latarbelakang pendidikan, pendedahan kepada maklumat yang pelbagai sumbernya, aktivisme politik, umur, jantina dan pekerjaan.

Perbezaan dalam pegangan politik antara generasi jika dapat diperhatikan akan memberi implikasi penting kepada masa depan politik orang Melayu dan seterusnya politik negara.

#### 1.4 Metode Kajian

Metode yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi kajian ini ialah metode survei. Teknik bagi pengumpulan maklumat semasa menjalankan survei pula dibahagi kepada dua. Yang pertama ialah teknik primer dan kedua ialah teknik sekunder.

Bagi teknik primer, dua pendekatan digunakan. Pertama ialah dengan menggunakan soal selidik manakala pendekatan yang kedua ialah mengadakan temubual dengan beberapa individu yang dikategorikan sebagai responden utama. Melalui kedua-dua pendekatan ini pengumpulan maklumat asasi diperolehi. Huraian mengenai soal selidik dan responden utama dibuat di bawah.<sup>8</sup> Huraian tersebut turut memperincikan bagaimana soal selidik dibahagikan dan menjelaskan juga ciri-ciri yang terdapat padanya.

---

<sup>8</sup> Lihat halaman 18 dan 25



Soal selidik tersebut dirangka berdasarkan kepada dan pengubahsuaian instrumen-instrumen yang hampir sama dalam kajian mengenai budaya politik seperti mana terdapat dalam kajian oleh Almond & Verba (1965), di samping kajian yang menyentuh budaya politik orang Melayu seperti yang pernah dijalankan oleh Postah Hj Mohd Esa (1993) Marvin L Rogers (1970) dan James Scott (1968).

Butiran-butiran bagi soal selidik dirumus daripada input yang diperolehi daripada pembacaan mengenai politik orang Melayu secara amnya. Selain daripada itu, ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pemimpin-pemimpin politik Melayu sama ada daripada UMNO, PAS atau PKN turut memberikan maklumat yang diperlukan bagi penyediaan butiran-butiran soal selidik tersebut. Di samping itu karya-karya yang menyentuh kebudayaan, kemasyarakatan dan tingkahlaku orang Melayu juga telah dirujuk bagi mendapatkan input lain sewajarnya.

Sementara bagi teknik sekunder pula penelitian dibuat terhadap bahan-bahan yang tersimpan di berbagai jabatan dan agensi kerajaan, khususnya agensi-agensi seperti PKNS, MBSA SPR dan Jabatan Perangkaan. Maklumat tersebut merupakan maklumat khusus mengenai data rasmi terutama data mengenai pilihan raya-pilihan raya yang lepas. Keputusan terperinci pilihan raya misalnya diperolehi daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya - baik di peringkat Pusat (di Putrajaya) mahu pun di negeri Selangor di mana pejabatnya terletak di Shah Alam. Data pilihan raya turut diambil daripada laporan-laporan rasmi pilihan raya yang tersimpan di perpustakaan Universiti Malaya.

Selain itu maklumat juga diperolehi daripada parti-parti politik yang berkenaan, iaitu UMNO, PAS, PKN dan dari Sekretariat BN Shah Alam bagi maklumat parti-parti bukan Melayu di Shah Alam yang bergabung dalam pakatan BN. Kesemua parti tersebut telah membekalkan maklumat mengenai bilangan cawangan dan ahli serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Penelitian pada rekod keahlain dan cawangan dapat memberikan fakta mengenai pengurangan dan penambahan sokongan terhadap parti-parti tersebut dari masa ke masa.

### **Teknik Utama (Primer)**

Seperti yang telah dinyatakan di atas, teknik utama menggunakan dua pendekatan iaitu penggunaan soal selidik dan temubual dengan beberapa responden utama (*key respondents*). Pemerihalan mengenai pendekatan-pendekatan tersebut dibuat seterusnya.

### **Soal Selidik**

Soal selidik menjadi alat terpenting bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Seperti yang telah diterangkan di atas, soal selidik dibina berdasarkan kepada soal selidik lain yang pernah digunakan oleh pengkaji lain. Namun bagi memenuhi tujuan kajian ini ia telah diubahsuai. Penelitian dan pembacaan sebahagian besar kajian dan penulisan dalam bidang politik orang Melayu telah banyak membantu untuk mencerakin nilai-nilai yang hendak dipastikan di mana nilai-nilai tersebut dianggap berperanan dalam tingkahlaku politik yang hendak dikaji. Kajian dan penulisan yang dimaksudkan itu cenderung kepada perbicaraan

mengenai politik orang Melayu atau pun karya berbentuk politik secara am. Daripada proses tersebut soalan-soalan yang berkaitan dapat disediakan.

Soal selidik dibahagi kepada dua bahagian. Ini bersesuaian dengan tujuan kajian di mana dapatan mengenai nilai perlu digandingkan dengan angkubah-angkubah seperti umur, jantina, pekerjaan dan tahap pendidikan. Oleh itu dalam bahagian pertama maklumat yang hendak diperolehi ialah maklumat asas responden mengenai latarbelakang dirinya. Bahagian kedua pula bertujuan khusus mendapatkan input mengenai nilai.

Bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai diri responden bahagian pertama dipecahkan lagi kepada tiga bahagian kecil. Dalam bahagian pertamanya soalan-soalan asas mengenai diri responden yang menyentuh jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan jenis kediaman dikemukakan.

Bahagian kecil kedua pula menyentuh aspek aktiviti responden seperti tabiat pembacaan, sumber pemerolehan maklumat, keanggotaan dalam persatuan, pertubuhan atau parti politik di samping maklumat mengenai pengundian. Dalam bahagian kecil ketiganya, beberapa soalan menjurus kepada kefahaman responden terhadap konsep-konsep yang dikaitkan dengan politik serta isu orang Melayu yang sering ditimbulkan dalam perbualan harian. Konsep-konsep yang dimaksudkan itu ialah demokrasi, Negara Islam, hudud, jihad, sekularisme, murtad, keadilan dan ketuanan Melayu. Maklumat yang diperolehi daripada bahagian pertama keseluruhannya yang digandingkan dengan maklumat di bahagian kedua akan menyokong hujah-hujah yang dikemukakan dalam penganalisan data.

Bahagian kedua bertujuan mendapatkan maklumat khusus mengenai nilai. Ciri yang jelas dalam bahagian ini ialah ketiadaan bentuk soalan yang spesifik, sebaliknya input nilai diperolehi menerusi kenyataan mengenai sesuatu perkara yang menyentuh tindakan, perasaan, atau sifat sesebuah institusi misalnya. Kenyataan-kenyataan tersebut dapat memberikan bayangan kepada apa yang hendak diketahui pengkaji - iaitu persoalan nilai yang terkandung didalamnya.

Bahagian ini mengandungi 58 kenyataan kesemuanya. Bagi setiap nilai yang telah dikenal pasti beberapa kenyataan berkenaan dengannya dikemukakan kepada responden. Responden perlu membuat pilihan yang padanya merupakan pilihan yang paling sesuai. Di antara kenyataan yang dikemukakan terdapat satu atau beberapa kenyataan teras yang dikira dapat menjelaskan kedudukan sesuatu nilai yang hendak dipastikan - sama ada nilai itu penting atau tidak dalam menentukan pilihan atau tingkahlaku politik. Responden perlu memilih antara respons 'amat setuju' kepada 'tidak setuju' menurut skala Likert.

Walaupun responden diminta memberikan respons berdasarkan skala 'amat bersetuju' kepada 'tidak bersetuju' iaitu 1 bagi amat bersetuju, 2 - bersetuju, 3 - tidak tahu/tiada respons, 4 - kurang bersetuju dan 5 - tidak bersetuju, namun bagi tujuan membentangkan penemuan dan untuk menganalisisnya hanya dua kategori digunakan - 'setuju' dan 'tidak setuju'. 1 dan 2 digabungkan untuk kategori 'setuju' manakala 4 dan 5 digabungkan untuk kategori 'tidak bersetuju'. 3 dikekalkan sebagai 'berkecuali'. Respons tersebut dikecualikan daripada analisis. Kategori 'amat tidak setuju' tidak disediakan kerana daripada pra ujian (*pre-test*) yang dijalankan didapati makna 'kurang setuju' bagi responden sebenarnya mewakili 'tidak setuju' dalam bahasa yang dianggap lebih sopan. 'Tidak setuju' pula ialah satu penegasan dan

menggambarkan bahawa responden sebenarnya memang tidak setuju atau amat tidak setuju dengan perkara yang dikemukakan.

Respons yang diperolehi kemudian diberikan nilai mata yang menetapkan jawapan 'setuju' atau 'tidak setuju'. Maksudnya, 1.0 ialah bagi respons paling kuat bersetuju, sebaliknya 2.0 ialah bagi respons paling kuat tidak bersetuju. Nilai mata yang jatuh pada 1.5 akan dianggap sebagai tiada kecenderungan yang jelas sama ada bersetuju atau tidak dan cenderung kepada berkecuali.

Penyediaan kenyataan bagi mewakili sesuatu nilai turut mengambil kira takrif nilai itu sendiri<sup>9</sup> dan konteks di mana ia digunakan. Misalnya bagi nilai 'ketaatsetiaan' kenyataan-kenyataan yang dikemukakan bukan sekadar menunjukkan makna nilai malah turut mendedahkan sejauh mana ia diutamakan. Ia juga diharap boleh membayangkan sokongan politik responden.

Disebabkan responden tidak mudah memberi jawapan tentang parti mana yang ia menjadi ahli atau ia sokong – terutama jika ia menjadi ahli atau penyokong parti-parti pembangkang – kenyataan-kenyataan lebih dituju kepada kebolehan, keupayaan, kelebihan atau kelemahan serta kepincangan parti-parti politik Melayu secara umum, iaitu membentangkan beberapa andaian positif atau negatif mengenai parti-parti tersebut.

Soal selidik ini ditadbir sendiri oleh pengkaji dengan dibantu oleh sepuluh orang pembantu terdiri daripada pelajar tahun dua dan tiga Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pembantu kerja lapangan tersebut telah diberi

---

<sup>9</sup> Takrif bagi setiap nilai dibuat dalam Bab 2 di bawah. Lihat hal 57-78

taklimat dan penerangan mengenai cara berkesan mendapatkan data yang dikehendaki sebelum keluar mendapatkannya.

## Responden

Bagi memenuhi objektif kajian, pemilihan responden adalah perkara yang diberikan perhatian khusus. Menyedari bahawa Shah Alam adalah sebuah bandar raya yang mempunyai penduduk yang ramai di mana jumlah penduduk Melayu adalah 223,212<sup>10</sup> orang dan pengundi Melayunya pula seramai 56,586 (pada tahun 1998) di tambah bandar raya tersebut meliputi satu kawasan seluas 290.30 kilometer per segi<sup>11</sup> kaedah untuk menentukan pemilihan responden perlu mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan ini.

Oleh kerana sampel yang bakal ditentukan perlu mempunyai ciri-ciri yang mewakili penduduk Shah Alam dari segi kepelbagaian status sosio-ekonomi dan mempunyai bilangan responden yang cukup bagi mewakili penduduk bandar raya tersebut, pemilihan responden dibuat secara rawak berkelompok (*clustered random sampling*). Kelebihan kaedah ini dalam konteks Shah Alam ialah ia membolehkan pemilihan responden dilakukan menurut kelompok (*cluster*) memandangkan keluasan kawasan kajian di samping mengambil kira persoalan status sosio-ekonomi penduduk. Untuk itu kelompok yang didapati sesuai ialah jenis kediaman - kerana ia menjadi petunjuk status sosio-ekonomi yang lebih mudah dikesan malah dapat diperhatikan secara fizikal semasa melalui kawasan berkenaan.

---

<sup>10</sup>Jajaji Penduduk dan Perumahan 2000 (2001) Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, Putrajaya. Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>11</sup>Lihat Bab 4, hal 185 di bawah.

Penduduk bandar raya Shah Alam kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan perumahan yang telah dibangunkan dan dibahagikan mengikut seksyen. Pemerihalannya mengenai seksyen di buat di bawah<sup>12</sup>. Jenis rumah yang didiami sedikit sebanyak menggambarkan status sosio-ekonomi penghuninya. Bagi kajian ini kategori sosio-ekonomi menjadi pilihan, oleh itu jenis kediaman yang diduduki penduduk membantu memenuhi keperluan untuk mendapatkan sampel responden yang mewakili kesemua tahap sosio-ekonomi tersebut. Antara jenis kediaman tersebut ialah banglo, rumah berkembar 2 tingkat, rumah berkembar setingkat, rumah teres 2 tingkat, rumah teres setingkat, rumah flet, pangsapuri/kondominium, rumah setinggan dan rumah kampung. Oleh itu sampel rawak berkelompok adalah ditentukan dengan memilih responden berdasarkan jenis rumah yang didiaminya yang berkebutuhan terdapat dalam satu-satu seksyen perumahan. *Bilangan responden mengikut jenis kediaman dipaparkan dalam Bab 4 di bawah.*<sup>13</sup>

Oleh kerana bilangan penduduk yang ramai, sampel yang mewakilinya dikira akan memadai sekiranya terdapat agihan yang agak merata di seluruh bandar raya Shah Alam. Bilangan responden yang disasarkan ialah seramai 500 orang tetapi setelah disemak maklum balas yang diterima, hanya 446 sahaja yang didapati sesuai digunakan bagi tujuan analisis. Baki 54 responden didapati tidak memberikan maklumat sepenuhnya di bahagian pertama soal selidik - maklumat latar belakang responden - dan ini menjadikan respons keseluruhan tidak dapat digunakan kerana kekurangan maklumat yang menyentuh angkubah seperti umur, jantina, pekerjaan dan pendidikan. Tanpa maklumat tersebut analisis mengikut angkubah tidak akan lengkap.

---

<sup>12</sup>Lihat Bab 4, hal 186-187

<sup>13</sup>Lihat hal 207 di bawah

Selain itu, maklum balas kepada setiap kenyataan tidak semestinya diperoleh daripada kesemua 446 responden yang sah itu. Respons kepada mana-mana kenyataan terpulung kepada responden untuk memberikannya. Terdapat kemungkinan seseorang responden akan memilih untuk menjawab sesuatu kenyataan tetapi tidak memberikan respons kepada kenyataan yang lain. Oleh itu jumlah respons bagi setiap kenyataan mungkin tidak mencapai jumlah genap 446 - ia bergantung kepada jumlah respons yang diterima bagi setiap kenyataan yang dikemukakan.<sup>14</sup>

Daripada 446 responden yang sah maklum balasnya, 223 adalah lelaki (50.5%) dan 215 perempuan (48.6%). Disebabkan lapan responden (0.9%) tidak menandakan ruangan jantina dalam soal selidik, ia diletak sebagai kes 'hilang' (*missing*) atau 'jantina tidak dinyatakan' dan tidak dapat digunakan dalam analisis yang menyentuh angkubah jantina bagi lapan responden tersebut. Kesemua responden tinggal di seksyen-seksyen dalam taman perumahan yang terdapat di kawasan kajian di samping perkampungan Bukit Naga dan Bukit Kemuning<sup>15</sup>. Jika angkubah lain iaitu tahap pendapatan diperhatikan, sebagai satu lagi ciri kelas sosio-ekonomi, boleh dikatakan bahawa di dalam sampel yang dipilih terdapat sebilangan besar responden kelas menengah<sup>16</sup>. Kesemua responden ditemui dalam kawasan Parlimen Shah Alam<sup>17</sup>

Bagi memastikan kenyataan-kenyataan yang dibentuk memenuhi tujuan kajian, satu tinjauan awal (*pre-test*) telah dilakukan. Tujuannya ialah bagi memantapkan soal selidik. Ini disusuli kerja lapangan (*field survey*) yang sebenar.

---

<sup>14</sup> Respons seperti yang dipaparkan dalam Bab 4 dan 5 menunjukkan keadaan ini.

<sup>15</sup> Lihat peta di hal 34a di bawah

<sup>16</sup> Pengkaji menggunakan takrif Abdul Rahman Embong (2002) bagi menjelaskan siapakah yang tergolong dalam kategori 'kelas menengah'. Huraian lanjut mengenai tahap pendapatan responden dibuat dalam Bab 4 di bawah

<sup>17</sup> Lihat Lampiran A untuk peta kawasan parlimen Shah Alam. Peta ini adalah seperti yang digunakan pada pilihan raya 1999



Bagi memantapkan analisis, data sekunder yang diperolehi dari jabatan kerajaan atau perpustakaan dapat digunakan bersama data primer yang diperolehi daripada survei

### **Responden Utama**

Di samping responden biasa yang ditemui untuk mendapatkan maklumat balas mengenai nilai yang dipegang agar ia dapat memenuhi objektif kajian, sebagai sokongan dan tambahan kepadanya beberapa responden utama turut ditemui bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diperincikan dalam soal selidik. Persoalan-persoalan lain yang menyentuh mengenai aktiviti politik, parti politik dan berkaitan dengan sebab-sebab sokongan atau bantahan dibuat terhadap sesuatu parti politik diperolehi daripada responden utama

Maklumat lebih mendalam mengenai sesuatu nilai yang hendak dipastikan tidak dapat dibuat hanya dengan menemui responden biasa semata-mata. Walau bagaimanapun bilangan responden utama juga dihadkan kerana maklumat tambahan yang dikehendaki tidak memerlukan bilangan yang ramai daripada kalangan tersebut. Apa yang diutamakan ialah mereka yang ditemui benar-benar dapat memberikan maklumat mengenai persoalan politik semasa iaitu mengenai peralihan sokongan politik yang terjadi pasca September 1998. Untuk itu pengkaji mendapatkan 14 orang responden utama yang masing-masing dapat memberikan perspektif mereka mengenai perkembangan politik pada waktu itu di samping dapat menjelaskan lagi perihal nilai-nilai yang hendak dipastikan.

14 responden yang dimaksudkan terdiri daripada 7 aktivis politik dan 7 penduduk Shah Alam yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti politik. Tujuan mendapatkan maklumat daripada aktivis politik ialah untuk mendapatkan perspektif penggiat politik mengenai politik tempatan dan nasional yang berkaitan dengan masalah yang dikaji di mana jawapan dan penjelasan yang diberikan dapat memberikan input tambahan kepada persoalan yang dikaji iaitu yang menyentuh nilai politik orang Melayu bandar. Mereka juga dapat memberikan maklumat mengenai parti masing-masing termasuk kegiatan parti dan perkara-perkara yang menyentuh keahlian parti.

Bagi 7 orang lagi yang tidak menjadi aktivis parti politik, pemilihan dibuat supaya perspektif mereka diperolehi mengenai politik semasa dari sudut pandangan seorang pegawai kerajaan atau pun seorang ahli profesional yang mempunyai perniagaan tersendiri di bandar raya Shah Alam. Disebabkan Shah Alam mempunyai sebilangan besar penduduk kelas menengah dan antara golongan yang dikelaskan di bawah kategori tersebut ialah golongan profesional, pengkaji telah mendapatkan maklumat lebih mendalam daripada mereka selaku responden utama. Manakala pegawai-pegawai kerajaan turut ditemui agar mendapatkan perspektif mereka mengenai politik semasa yang boleh membayangkan sokongan mereka kepada sesuatu parti politik. Ini akan memantapkan lagi penemuan kajian nanti.

Daripada 7 responden utama yang bukan aktivis politik, 4 adalah ahli profesional dan 3 lagi pegawai kerajaan. Mereka ialah Dr Musab dan Dr Melati, dua pengamal perubatan, Puan Melor, seorang peguam dan seorang pereka hiasan dalaman, En Bushra. Tiga pegawai kerajaan ialah Puan Rosy, Haji Putih dan En Zali.

Haji Putih ialah pegawai tinggi dan ketua sebuah jabatan kerajaan manakala Puan Rosy dan En Zali adalah pegawai peringkat pertengahan.

Dari kalangan aktivis politik pula, responden utama yang paling kanan dalam hirarki politik tempatan di pihak UMNO ialah Dato Salamon Selamat. Beliau adalah Ketua Bahagian UMNO Shah Alam merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Tiga<sup>18</sup>. Di pihak UMNO tiga lagi aktivis ialah En Amzah Umar, setiausaha UMNO Shah Alam<sup>19</sup>, En Abu yang menjadi ketua blok di sebuah flet di Seksyen 16, Shah Alam dan En Hamzah, ahli jawatankuasa surau Seksyen 18. En Abu dan En Hamzah adalah nama samaran bagi aktivis tersebut yang meminta nama sebenar mereka tidak disiarkan dalam kajian.

Di pihak PAS pula, responden utama yang ditemui ialah Dr Dzulkifli Ahmad, timbalan ketua kawasan Shah Alam di samping setiausahanya, En Ruslan Razak. Seorang lagi responden utama di pihak pembangkang ialah En Hasib Abu (juga nama samaran) yang merupakan setiausaha PKN bahagian Shah Alam.

Survei dimulakan pada Mac 2001 dan berakhir pada penghujung April 2001. Penemuan dengan responden utama pula tidak terikat pada waktu yang sama dan bermula lebih awal pada penghujung tahun 2000 dan berlanjutan sehingga awal tahun 2002. Bagi mendapatkan maklumat susulan mengenai politik semasa semata-mata, tiga orang responden utama telah dikunjungi selepas 2002 iaitu pada tahun 2003. Mereka ialah En Zali, En Amzah Umar dan En Roslan.

---

<sup>18</sup> Kini beliau adalah Datuk Bandar Shah Alam

<sup>19</sup> Beliau kini ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Muda dalam Parlimen Kota Raja. Kawasan Kota Raja adalah kawasan baru yang diwujudkan selepas persempadanan semula kawasan pilihanraya sebelum pilihanraya 2004

Kesemua responden utama telah ditemui di Shah Alam sama ada di tempat bekerja, di surau, masjid atau di rumah mereka sendiri. Mereka telah memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Namun seperti yang disebutkan di atas mereka tidak mahu nama sebenar beserta maklumat pekerjaan mereka disiarkan dalam kajian kecuali beberapa individu di atas terdiri daripada kalangan aktivis politik yang nama mereka dinyatakan di atas.

Bagi pegawai kerajaan dan ahli profesional kerahsiaan identiti mereka menjadi syarat untuk mendapatkan maklumat. Begitu juga dengan setiausaha PKN bahagian yang juga menjalankan perniagaannya di Shah Alam. *Pemerihalatan responden utama dibuat di Lampiran B.*

## **1.5 Bidang Kajian**

Kajian ini adalah mengenai satu aspek politik orang Melayu iaitu nilai politik mereka yang membentuk budaya politik Melayu. Termasuk dan tersentuh juga di dalam kajian ialah perkara-perkara seperti persepsi politik dan kefahaman tentang politik secara umum kerana kaitannya dengan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan bagi memperoleh jawapan mengenai nilai yang dipegang. Tidak termasuk di sini ialah nilai mengikut aspek-aspek sosial dan ekonomi

Daripada 'peta' atau gambaran mengenai nilai yang diperolehi dapatlah seterusnya dirangka 'batasan' budaya politik Melayu yang lebih jelas. Dalam mengkaji nilai, pembahagian juga barangkali dapat dibuat antara nilai utama

(dominan) dengan nilai sampingan (sekunder).

Kajian ini akan juga menunjukkan bagaimana beberapa angkuh berubah berperanan dalam membentuk atau mempengaruhi nilai. Ia dapat mendedahkan siapakah di kalangan masyarakat kajian yang aktif berpolitik dan untuk tujuan apa, begitu juga dengan mereka yang pasif terhadap politik. Selain itu ialah persoalan status ekonomi dan sosial dan kaitannya dengan nilai yang dipegang. Maklum balas yang diberi boleh menyumbang input penting bagi melakarkan pola yang terdapat pada masyarakat Melayu bandar seperti di Shah Alam.

Budaya politik secara umum yang dapat diperhatikan barangkali dapat juga dibezakan antara kelompok atau peringkat. Umpamanya antara golongan elit dan massa, berpendidikan dengan yang kurang berpendidikan dan juga nilai pada peringkat mikro dan makro. Dalam kajian ini bidang yang dikaji akan memberi fakta penting mengenai satu aspek budaya politik yang amat penting, iaitu nilai. Ini memungkinkan kefahaman yang lebih baik mengenai politik orang Melayu.

Kajian ini tidak melihat aspek perubahan nilai, cuma sekadar menjelaskan fenomena perbezaan dalam tingkahlaku politik yang spesifik iaitu mengundi. Perbezaan ini dikesan dengan meneliti rekod pengundian yang telah dikumpulkan bagi melihat perbezaan dalam undi yang diperoleh oleh pihak-pihak yang bertanding dari satu masa ke masa yang lain. Ini kerana aktiviti mengundi yang bersifat bermusim juga merupakan satu aktiviti politik yang menzahirkan pilihan. Pilihan ini pula dipengaruhi oleh elemen dalaman seperti nilai.

## 1.6 Batasan Kajian

Konsep nilai sepertimana diterangkan lebih terperinci dalam bab berikut ialah sejenis kepercayaan yang terdapat dalam diri seseorang mengenai kebaikan, keburukan, apa yang patut dan apa yang tidak patut.<sup>20</sup> Ini adalah persoalan yang amat subjektif oleh itu adalah sukar untuk mengesahkan bahawa nilai-nilai yang diperolehi daripada kajian ini akan menjawab segala persoalan berkaitan dengan tingkahlaku politik masyarakat yang dikaji. Nilai hanya merupakan satu aspek sahaja daripada jawapan yang dapat menjelaskan masalah yang dikaji - kenapa terjadi peralihan sokongan dalam pilihanraya 1999 daripada parti pemerintah yang biasa menang selesa dengan majoriti yang besar kepada hampir mengalami kekalahan dengan kemenangan yang tipis.

Oleh itu sebarang 'perubahan' yang tampak pada sesuatu ketika tidak wajar diterima begitu sahaja dalam ertikata yang sebenarnya. Ini mungkin fenomena sementara atau manifestasi daripada sebab-sebab lain seperti ketokohan seseorang calon misalnya. Ia ditambah dengan kenyataan bahawa sistem nilai sebagai satu elemen dalaman yang biasanya sudah menjadi satu set institusi memerlukan masa untuk berubah<sup>21</sup>.

Bagi mengetahui apakah nilai telah berubah kaedah lebih tepat ialah dengan membuat kajian berkala secara konsisten dari masa ke masa. Umpamanya dalam kajian beliau mengenai budaya politik, Ronald Inglehart (1977) menegaskan bahawa kajian mengenai nilai bagi mengesan perubahan menghadapi masalah kerana

---

<sup>20</sup> Definisi nilai dibuat dalam bab berikut

<sup>21</sup> Perbincangan menarik mengenai perubahan nilai terkandung dalam karya Inglehart (1977). Beliau melihat bagaimana nilai-nilai sesebuah masyarakat berubah setelah masyarakat tersebut melalui proses perubahan dalam struktur ekonomi dan mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Gagasan nilai lama dikonsepsikan sebagai nilai materialis dan yang baru pula sebagai pasca materialis.

kebanyakan kajian melihat nilai hanya pada satu-satu masa tertentu sahaja. Adalah sukar untuk meramalkan perubahan tanpa melakukan kajian setiap beberapa tahun sekali (*time series surveys*). Oleh itu kajian mengenai nilai dibatasi oleh masalah tersebut.

Selain itu, pendekatan 'budaya politik' seperti yang diterokai oleh Almond & Verba sering dikritik sebagai tidak begitu jelas dan terlalu luas skopnya. Keputusan yang dibentangkan dengan menggunakan pendekatan mereka turut dikritik oleh ramai pengkaji (Eatwell, 1997:2). Ini bermakna pendekatan Almond dan Verba tidak sesuai digunakan di sini sebaliknya hanya satu gambaran yang lebih umum mengenai budaya politik seperti yang disaran oleh Pye (1965) digunakan. Konsep yang dikemukakan oleh Pye dijelaskan lagi dalam bab berikut.

Seperkara lagi ialah perbandingan antara data pengundian dengan dapatan kajian perlu diteliti secara berhemah. Ini kerana semasa pilihanraya dijalankan mungkin terdapat faktor dan elemen lain yang turut mempengaruhi pilihan seseorang walaupun nilai yang dipegang juga berperanan dalam menentukan pilihan. Di samping itu terdapat terlalu banyak dakwaan bahawa penyelewengan atau penipuan berlaku di sesetengah tempat yang berkesudahan dengan keputusan undi yang masih memberikan kemenangan kepada parti pemerintah.<sup>22</sup> Oleh itu dapatan kajian adalah lebih sahih bagi menggambarkan nilai politik masyarakat yang dikaji.

Bagi mengatasi masalah mendapatkan fakta tepat mengenai perubahan nilai, disarankan supaya kajian seperti ini dijalankan dari masa ke masa – misalnya setiap 10 tahun sekali – bagi melihat apakah perubahan-perubahan yang telah berlaku.

---

<sup>22</sup> Dakwaan seumpama ini memang banyak. Ketika pilihanraya kecil Lunas pada 29 Nov 1999 perkara seperti ini dilaporkan telah berlaku. Lihat laporan-laporan dalam The Sun 26 November, 30 November dan 1 Disember 2000

Dengan cara ini peta nilai politik akan lebih menyeluruh dan menyakinkan dan akan membantu melengkapkan maklumat tentang budaya politik orang Melayu. Lagipun kajian ini hanya melihat budaya politik Melayu dalam konteks yang terbatas seperti yang diperlihatkan dalam pilihanraya 1999.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Politik orang Melayu amat penting kepada proses pembangunan dan keutuhan negara-bangsa Malaysia. Ini dirumuskan berdasarkan kenyataan sejarah termasuk faktor taburan pemilih (pengundi), orang Melayu merupakan masyarakat yang kritikal yang akan menentukan siapakah yang mentadbir negara ini.<sup>23</sup>

Bukan sahaja orang Melayu diterima sebagai golongan dominan dalam negara, dan kumpulan etnik yang terbesar, dari segi sejarahnya mereka telah memainkan peranan utama dalam menentukan halatuju politik negara<sup>24</sup>. Ini termasuk menentukan apakah sistem politik yang akan berfungsi dalam negara ini.

Dari segi taburannya, pengundi Melayu akan menentukan kerajaan yang memerintah kerana kawasan bermajoriti Melayu merupakan kelompok terbesar daripada kelompok kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia. Perincian mengenai perkara ini dibuat dalam bab 3.<sup>25</sup> Oleh itu penentuan siapakah yang akan menerajui kerajaan akhirnya terletak pada pilihan


---

<sup>23</sup> Maklumat mengenai taburan penduduk di kawasan kajian diberikan di bawah, - hal 29. Sementara itu jumlah kawasan parlimen yang mempunyai pengundi Melayu sebagai pengundi majoriti ialah 98 kawasan (50.8%) daripada sejumlah 193 kawasan di Malaysia (Lim Hong Hai, 2003:47)

<sup>24</sup> Misalnya tindakan menentang Malayan Union pada tahun 1946, menyebabkan penjajah Inggeris merangka perlembagaan baru bagi Tanah Melayu ketika itu. Begitu juga dengan tindakan pada 1999 yang menyebabkan UMNO kehilangan sebuah lagi negeri selain Kelantan ke tangan parti Islam.

<sup>25</sup> Hal 164-176 di bawah





PETA MALAYSIA

yang mereka lakukan. Dua parti politik yang dianggotai oleh orang Melayu secara umumnya – UMNO dan PAS - menjadi parti utama dalam dua gabungan politik yang terdapat di Malaysia dan menentukan corak pemerintahan<sup>26</sup>. Berdasarkan kenyataan tersebut bagaimana orang Melayu mengundi dan menjalankan aktiviti politik amat penting untuk dikaji.


Bagi memahami trend pengundian mereka, elemen dalaman seperti nilai perlu didedahkan. Nilai-nilai yang dipegang akan menunjukkan bagaimana mereka akan bertindak dalam membuat pilihan politik. Bagi seorang pengkaji pula, ini membolehkannya membuat rumusan dan ramalan tentang kecenderungan politik – iaitu mencadangkan parti manakah yang barangkali berjaya dalam pilihan raya. Pendedahan ini akan membantu memperlengkapkan lagi maklumat mengenai fenomena berpolitik di kalangan orang Melayu.

Kajian ini juga akan memberikan maklumat penting mengenai sebab-sebab mengapa orang Melayu berpolitik dan apakah matlamat mereka bergiat dalam politik dalam konteks nasional. Gambaran ini diperolehi daripada penelitian terhadap nilai-nilai yang dipastikan. Nilai politik yang dipegang bukan sahaja akan menambahkan khazanah maklumat dan pengetahuan mengenai politik Melayu tetapi juga akan memberikan jawapan kepada beberapa persoalan penting dalam konteks demokrasi, autokrasi, Islam dan sistem-sistem lain.

Seperti kajian yang dijalankan di Burma untuk melihat kenapakah orang Burma boleh menerima sebuah kerajaan yang *authoritarian* yang tidak memungkinkan penyuburan demokrasi sepertimana dilakukan oleh Gyi (1983) dan

---

<sup>26</sup>Sementara UMNO mengetuai BN, PAS menjadi parti utama dalam gabungan pembangkang, BA. Mengenai BA lihat Bab 3, hal 178



PETA SELANGOR

kenapakah orang Burma boleh menerima sebuah kerajaan yang *authoritarian* yang tidak memungkinkan penyuburan demokrasi sepertimana dilakukan oleh Gyi (1983) dan puluhan kajian lain mengenai nilai politik, begitu juga kajian mengenai nilai politik Melayu diharap akan memberikan jawapan kenapa orang Melayu sanggup untuk terus berada di bawah kepimpinan politik (dan parti politik) yang sama sejak zaman kemerdekaan dan kenapa mereka menunjukkan sikap berbeza yang sangat ketara pada pilihan raya 1999.

Saranan Inglehart (1977) bahawa perubahan nilai merupakan suatu 'revolusi senyap' (*silent revolution*) yang memakan masa yang panjang mempunyai implikasi besar ke atas bukan sahaja masyarakat yang dikaji tetapi negara itu sendiri. Teori beliau dijelaskan dalam bab berikut.

## **1.8 Kawasan Kajian**

Kawasan kajian ialah seluruh kawasan Parlimen Shah Alam. Kawasan yang diliputi ini tidak termasuk beberapa kawasan yang jatuh di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam. Kawasan Parlimen dipilih kerana kajian ini melihat persoalan nilai dan hubungannya dengan tingkahlaku politik yang dimanifestasikan melalui pembuangan undi. Peta kawasan kajian berdasarkan kawasan Parlimen terdapat pada Lampiran A.

Bagi memenuhi tujuan ini hanya kawasan Parlimen dipilih supaya data yang dipungut adalah dari kawasan pengundian tertentu atau bahagian pilihan raya – di sini Shah Alam – dan bukan di luarnya. Barulah perbandingan boleh dibuat berdasarkan keputusan-keputusan pilihan raya yang pernah diadakan. Data yang

**MAJLIS PERBANDARAN SHAH ALAM**

**DAERAH GOMBAK**

**DAERAH GOMBAK**

**DAERAH KUALA SELANGOR**

13

**DAERAH KLANG**

14


**DAERAH PETALING**

15

16

**DAERAH SEPANG**

17



Shah Alam dipilih kerana ia merupakan bandar raya Melayu. Peratus penduduk Melayunya adalah lebih daripada 70%.<sup>27</sup> Disebabkan sasaran kajian ialah orang Melayu adalah amat wajar kawasan yang mempunyai penduduk majoriti Melayu dipilih.

Kedua, pemilihan Shah Alam adalah disebabkan oleh faktor keputusan pilihan raya sebelum dan pada tahun 1999. Kawasan Parlimen Shah Alam sebelum 1999 menunjukkan rekod pengundian yang agak ketara cenderung kepada 'kestabilan' di mana setiap kali pilihan raya telah menyaksikan kemenangan dengan majoriti yang amat besar bagi parti gabungan yang berkuasa, yang bermakna dalam ertikata lain, sokongan besar terhadap UMNO.

Namun pada pilihan raya tahun 1999, keputusannya sungguh menakutkan. Peratusan yang diperolehi BN jatuh secara mendadak; calon UMNO/BN hampir mengalami kekalahan<sup>28</sup>. Jadual 1.1 di halaman 37 menunjukkan perbezaan prestasi yang paling ketara di Shah Alam berbanding kawasan undi lain di Selangor yang mempunyai pengundi Melayu sebagai majoritinya. Malah pemerhatian pada jadual tersebut menunjukkan bahawa di kawasan majoriti Melayu di Selangor, BN mengalami penurunan undi yang jelas.<sup>29</sup> *Maklumat lanjut mengenai penurunan undi di Shah Alam dinyatakan dalam Bab 6, halaman 406-409*

Maka itu, dakwaan umum mengatakan bahawa kemenangan calon BN bagi Shah Alam pada tahun 1999 adalah kerana sokongan pengundi bukan Melayu.

---

<sup>27</sup> Maklumat mengenai taburan penduduk dibuat dalam Bab 4 di bawah. Lihat hal 185

<sup>28</sup> Perbezaan undi dan maklumat pengundian di Shah Alam dinyatakan dalam Bab 3, Jadual 3.5 hal. 176, Bab 6, hal 404-407 dan di Lampiran C

<sup>29</sup> Maklumat ini terkandung dalam bahagian analisis. Lihat Bab 6, Jadual 6.1 hal. 405

Walau bagaimanapun terdapat juga dakwaan misalnya telah berlaku penyelewengan atau penipuan tertentu dalam proses pilihanraya yang memberikan kemenangan kepada calon BN<sup>30</sup>. Namun adalah sukar untuk mendapatkan bukti mengenai dakwaan seperti itu.

Kawasan ini juga mempunyai kerencaman susunlapis masyarakat Melayu yang ideal untuk kajian. Semua lapisan masyarakat terdapat di sini; daripada golongan atasan, kelas menengah yang berbagai-bagai kerjayanya dan kelas bawahan termasuklah masyarakat kampung. Kepelbagaian ini dapat diperhatikan dari segi tempat tinggal, iaitu antara yang tinggal di banglo-banglo besar, rumah teres, flat/kondominium, rumah kampung dan bahkan juga rumah setinggan. Disebabkan wujud andaian bahawa golongan kelas-kelas menengah memainkan peranan besar dalam menentukan 'peralihan' undi tadi<sup>31</sup>, kawasan Shah Alam dengan bilangan kelas menengah yang agak besar<sup>32</sup> tentunya memberikan input yang relevan untuk memastikan kesahihan andaian ini

Andaian bahawa golongan kelas-kelas menengah mempunyai kaitan positif dengan perubahan politik perlu dipastikan. Dalam kajian-kajian lain antaranya oleh Inglehart (1977) telah didapati bahawa kelas menengah mempunyai sistem kepercayaan dan nilai-nilai yang berbeza daripada kelas bawahan yang mempunyai taraf pendidikan yang lebih rendah. Jesudason (1996) mendapati pula golongan tersebut berperanan dalam menggerakkan masyarakat sivil

<sup>30</sup> Maklumat daripada beberapa responden utama (key respondents) iaitu Puan Rosy, Dr Musab dan En Haab. Mengenai responden utama, lihat hal 25 dan Lampiran B.

<sup>31</sup> Perincian mengenai peranan kelas menengah dalam gerakan reformasi dibincangkan dalam Bab 6. Ramai sarjana melihat peranan kelas tersebut dalam mempengaruhi politik di Malaysia. Lihat misalnya Abdul Rahman Limbong (2002)

<sup>32</sup> Malah bilangan yang agak besar juga diwakili dalam sampel kajian. Lihat Bab 4 di bawah.

Jadual 1.1 - Keputusan Pilihan Raya bagi Kawasan Undi Parlimen Selangor 1990-1999

Kawasan undi	Tahun											
	1990				1995				1999			
	BN	Pembangkang	Majoriti	BN	Pembangkang	Majoriti	BN	Pembangkang	Majoriti	BN	Pembangkang	Majoriti
Sabak Bernam	17715	5167	12548	17978	3526	14452	11809	10908	901			
Tanjung Karang	15468	7191	8277	20962	5114	15818	15841	13766	2075			
Hulu Selangor	20839	11857	8982	20546	4594	15592	22143	13548	8595			
Kuala Selangor	17964	8508	9456	28287	4827	23460	23610	13690	9920			
Kapar	22031	15811	6220	45392	6765	38627	27830	24970	2860			
Selayang	51062	19920	31142	38763	7885	30878	34979	26144	8835			
Ampang Jaya	39304	25954	13350	45284	13935	31309	40669	32902	7767			
Hulu Langat	20174	18483	1691	38172	7358	30814	27724	23963	3761			
Petaling Jaya	24735	40685	-15950	26646	15021	11625	25603	23122	1775			
Puchong	32686	34967	-2281	32757	23320	9437	37210	33111	4099			
Shah Alam	41647	25129	16518	50966	10251	40715	35851	34411	1440			
Klang	23603	31413	7810	28984	22860	6124	30201	24528	5673			
Kuala Langat	22607	13932	8675	28401	9190	19211	24878	16858	8020			
Selangor	22864	13492	9373	26022	10455	15567	23069	15907	-162			



Bagi memenuhi objektif kajian ini dan bagi merangka rumusannya antara responden penting yang ditemui ialah mereka yang tergolong dalam kelas tersebut. Ini termasuk beberapa individu<sup>33</sup> yang ditemui oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam mengenai politik orang Melayu.

Kawasan kajian yang dipilih ini mempunyai sebilangan besar kelas menengah yang sesuai untuk dipilih sebagai responden malah berdasarkan kepada tahap pendapatan komuniti di sini, ia boleh ditakrifkan sebagai sebuah bandar raya bagi golongan kelas menengah Melayu. Faktor utama kenapa Shah Alam dipilih berbanding kawasan bandar lain ialah kerana hanya di Shah Alam terdapat perpindahan sokongan yang paling ketara yang dimanifestasikan menerusi majoriti undi yang diperolehi calon BN dalam pilihan raya umum 1999.

Lokasi kawasan kajian adalah juga dekat dengan tempat tinggal pengkaji dan memudahkan perjalanan ulang-alik untuk mendapatkan maklumat semaksimum mungkin. Shah Alam merupakan bandar raya Melayu terdekat dengan Kuala Lumpur berbanding dengan kawasan-kawasan urban lain yang sesuai untuk kajian. Semua ciri-ciri yang perlu didapati wujud di Shah Alam sebagai satu kawasan kajian yang ideal dan memenuhi tujuan kajian. *Pemerihalan lanjut mengenai ciri-ciri sosial bandar raya ini dibuat dalam Bab 4 di bawah.*

## **1.9 Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan mendapatkan gambaran jelas mengenai budaya

---

<sup>33</sup> Responden utama. Pemerihalan mengenai mereka dibuat di atas (hal 25 ) dan di Lampiran B.

politik orang Melayu bandar dari segi nilai-nilai politik yang dipegang mereka.

Keputusan pilihan raya umum ke 10 pada tahun 1999 jelas menunjukkan bahawa telah berlaku satu perpindahan undi daripada parti Melayu yang disokong selama ini, iaitu UMNO, kepada parti pembangkang Melayu seperti PAS dan PKN. Secara khusus beberapa kawasan pilihan raya menunjukkan peralihan sokongan yang ketara seperti ini dan di antara kawasan tersebut ialah bandar raya Shah Alam.